

## **PENDEKATAN PROGRAM PENDIDIKAN RUMAH PERLINDUNGAN KE ATAS REMAJA HAMIL LUAR NIKAH**

Azahar Yaakub, Norhafizah Musa, Adibah Muhtar, Siti Suhaila Ihwani,  
Zaharah Mustaffa, Mohd Hambali Rashid, Mohd Al'Ikhsan Ghazali

**Abstrak:** Kehamilan dan kelahiran anak luar nikah berkaitan dengan hubungan seks sebelum berkahwin berpunca daripada pergaulan bebas, sumbang mahram dan jenayah rogol yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Kertas kerja ini didasarkan kepada kajian kes kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja yang ditempatkan di rumah perlindungan sekitar negeri Selangor. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh manakah keberkesanan program pendidikan rumah perlindungan membantu pembentukan akhlak remaja hamil luar nikah menjadi insan yang lebih baik. Kajian kualitatif berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu, buku, jurnal dan dokumen yang membincangkan isu remaja hamil luar nikah.

**Kata kunci:** Remaja, hamil luar nikah, anak tidak sah taraf

### **1.0 PENDAHULUAN**

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan penglibatan remaja dalam tingkah laku seks berisiko telah bermula seawal peringkat umur kanak-kanak lagi. Penglibatan remaja dalam aktiviti seksual pada usia yang muda dilihat sebagai satu masalah yang besar dan perlu dipandang serius oleh segenap lapisan masyarakat. Remaja yang terlibat dalam aktiviti seksual di usia muda mampu mengundang kesan yang m,udarat terhadap emosi, fizikal dan sosial kanak-kanak terbabit (Dixon-Muller 2009, Shah & Tapa 2005).

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan masalah social remaja terutamanya remaja hamil anak luar nikah. Kajian Saedah et al. (2014) juga menggunakan inventori MVIMA dan *Coping Strategy Inventory* untuk mengkaji hubungan nilai moral Islam dengan strategi mengendalikan stress bagi mengatasi kesan seks sebelum berkahwin. Kajian ini melibatkan 238 remaja yang menghuni rumah perlindungan akibat daripada perbuatan melakukan seks sebelum nikah, dirogol, mengandung dan hubungan sejenis. Dapatan menunjukkan tahap nilai moral responden berada pada tahap sederhana dan hampir keseluruhan responden menyatakan pengaruh teman lelaki yang menyebabkan mereka melakukan hubungan seks sebelum berkahwin kerana kurang kesedaran. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara nilai moral dan strategi mengendalikan stress dalam kalangan responden. Terdapat 3 nilai moral yang paling dominan iaitu 48.5% mengamalkan sifat sabar, 50.8% mengamalkan sifat ikhlas dan 55.5% mengamalkan sifat jujur. Ketiga-tiga nilai moral ini berkait rapat dengan pengendalian strategi stress jenis 1, 2 dan 3 iaitu, jenis 1 merujuk kepada pengurusan emosi, jenis 2 merujuk kepada pengubahsuaian berdasarkan situasi dan jenis 3 merujuk kepada pengawalan emosi. Senario anak luar nikah dalam kalangan remaja telah menjadi fokus kajian yang dijalankan oleh Faizah dan Azian (2013). Kajian ini memperoleh dapatan yang sama dengan kajian Azriani et al. (2011) bahawa faktor utama remaja terjebak melakukan seks luar nikah sehingga mengandung adalah disebabkan pengaruh rakan sebaya.

Satu kajian kes telah dijalankan oleh Salmi (2013) berkenaan hubungan seks sebelum berkahwin dalam kalangan remaja Malaysia. Sebanyak lima orang pelajar Melayu muslim telah menjadi responden kajian yang dijalankan secara mendalam. Dapatan beliau mendapati bahawa, remaja lebih suka untuk bercerita tentang seksualiti dengan kawan baik atau teman lelaki daripada ibu bapa, saudara, guru dan kaunselor. Dapatan beliau selari dengan dapatan Azriani et al. (2011) dan Faizah & Azian (2013).

Satu kajian analisis jurnal telah dilakukan oleh Mohd Azri et al. (2015) yang menganalisis 30 artikel jurnal sekitar tahun 2000 hingga 2014. Kebanyakan artikel jurnal mengkaji kehamilan remaja bawah umur kerana kesnya yang kian meningkat dari tahun ke tahun dan negeri Sabah dan Sarawak merupakan dua negeri tertinggi di Malaysia yang mempunyai kes remaja hamil bawah umur iaitu 62.2%. Sehingga tahun 2013, terdapat seramai 510,462 anak tidak sah taraf yang berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, kajian ini (Mohd Azri et al. 2015) telah mengenal pasti 6 faktor utama yang menyebabkan kehamilan remaja bawah umur iaitu: 1) Kemiskinan; 2) Mengamalkan seks sebelum; 3) Tiada pemantauan ibu bapa; 4) Pencapaian akademik yang rendah; 5) Pengaruh rakan sebaya dan 6) Kurang pengetahuan tentang seks, reproduksi dan kesihatan. Kebanyakan artikel yang dianalisis oleh Mohd Azri et al. (2015) telah melaksanakan kajian di rumah-rumah perlindungan yang menempatkan remaja mengandung luar nikah. Kajian mencadangkan supaya kajian lanjutan dilaksanakan kepada remaja yang telah keluar daripada rumah perlindungan dan tinggal bersama masyarakat untuk mengkaji apa yang berlaku dengan mereka. Selain daripada itu, kajian berkaitan persepsi remaja lelaki yang terlibat dengan seks sebelum nikah dan suami muda turut dicadangkan dalam kajian ini.

Oleh itu, program pendidikan yang dilaksanakan di rumah perlindungan harus dikenal pasti bagi memastikan remaja yang telah keluar daripada rumah perlindungan ini, mempunyai bekalan pegangan yang kuat agar tidak terjebak semula ke dalam kancas maksiat.

## **2.0 PROGRAM PENDIDIKAN RUMAH PERLINDUNGAN**

Pelaksanaan program pendidikan di rumah perlindungan kajian ini lebih menjurus kepada program pendidikan keagamaan. Terdapat beberapa kaedah yang dilaksanakan oleh rumah perlindungan untuk membantu mangsa membentuk akhlak yang baik dan berusaha menjadi insan yang lebih baik daripada sebelumnya.

### **Ceramah**

Ceramah adalah salah satu medium kaedah pendidikan yang diberi kepada remaja yang tinggal di rumah perlindungan. Kebiasaannya, tokoh agama akan dijemput untuk menyampaikan ceramah yang berkisar tentang kehidupan dunia dan akhirat. Program ceramah ini diperuntukkan masa selama 1 atau 2 jam. Sekiranya berlanjutan dikhuatiri remaja terbabit kurang minat dan tumpuan terhadap isi ceramah.

## **Bimbingan Usrah**

Konsep usrah telah diaplikasikan semenjak zaman Rasulullah S.A.W. Kumpulan usrah selalunya membuat rujukan berdasarkan kitab-kitab muhtabar dan isu yang dikupas akan diselia oleh seorang naqibah dan mendapat pandangan daripada ahli-ahli usrah yang lain. Melalui program usrah, remaja berpeluang untuk bertukar-tukar fikiran dan pendapat mereka terhadap kehidupan melalui persepsi mereka sendiri. Oleh itu, naqibah akan berperanan sebagai pemudah bicara atau menerangkan semula sekiranya terdapat isu-isu yang tidak difahami oleh remaja. Program usrah juga dilihat mampu mengenal pasti secara tidak langsung masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja yang tinggal di rumah perlindungan ini.

## **Diskusi atau Perbincangan**

Program pendidikan menggunakan kaedah diskusi atau perbincangan kerap dilaksanakan di rumah perlindungan. Namun begitu, terdapat segelintir remaja yang kurang selesa untuk berkongsi masalah mereka dan kadang kala mampu menimbulkan salah faham yang mengakibatkan pergaduhan. Oleh itu ketua yang dilantik atau fasilitator perlu bijak untuk mengawal situasi perbincangan agar tidak timbul sebarang kekecohan ketika perbincangan.

### **3.0 KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN**

Program pendidikan di rumah perlindungan merangkumi tiga unsur utama iaitu program akidah, akhlak dan ibadah. Beberapa kajian menunjukkan bahawa remaja di rumah perlindungan menunjukkan rasa kurang minat terhadap program pendidikan sedia ada. Remaja berasa cepat bosan terhadap isi kandungan program dan menganggap ceramah yang diadakan seperti mencari salah mereka dan bukan untuk membimbing mereka. Kebanyakan kajian mendapati bahawa, remaja lebih berminat dengan program-program yang melibatkan sains dan teknologi dan mampu memberi kesedaran kepada mereka untuk berubah.

Di antara masalah program pendidikan dikenal pasti kurang memberi impak yang maksima kepada remaja yang tinggal di rumah perlindungan ialah:

1. Masalah tenaga pengajar
2. Masalah pengurusan dan pentadbiran
3. Masalah Pelaksanaan program
4. Masalah remaja

### **4.0 KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada dapatan kajian-kajian terdahulu, pihak rumah perlindungan perlu membuat perubahan dan mengambil kira pandangan daripada remaja yang tinggal di rumah perlindungan agar program pendidikan berjaya mencapai objektif untuk membentuk akhlak yang lebih baik daripada sebelumnya.

## **5.0 RUJUKAN**

- Saedah A. Ghani, Salhah Abdullah, Sharifah Mariam Syed Akil & Noratthiah Nordin. 2014. Muslim adolescents moral value & coping strategies among muslim female adolescents involved premarital sex. *Procedia-Social and Behavioural Science* 114: 427-433.
- Azriani Ab. Rahman, Razlina Ab. Rahman, Mohd Ismail Ibrahim, Halim Salleh, Awaluddin Ahmad, Shaiful Bahri Ismail, Maizan Ishak & Siti Hawa Ali. 2011. Knowledge of sexual & reproductive health adolescents attending school in Kelantan, Malaysia. *Med Public Health* 42 (3): 25-717.
- Faizah Abdul Ghani & Azian Abd Aziz. 2013. Illegitimate childbearing scenario among adolescents. *Research Journal in Organizational Psychology and Educational Studies* 7 (1): 40-131.
- Salmi Ahmad Sudan. 2013. Premarital sex among school-going Malay female teens: A case study in Selangor. Tesis Ph.D. Universiti Islam Antarabangsa.
- Mohd Azri Mohd Suan, Adibah Hanim Ismail & Haliza Ghazali. 2015. A review of teenage pregnancy research in Malaysia. *Med Malaysia* Vol 70 (4): 214-219.